

**NO. SOALAN : 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 24 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan hujah-hujah pihak kerajaan kepada cadangan pengecualian visa bagi pelancong warganegara China ke Malaysia.**

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah pun meluluskan pengecualian bayaran visa kepada pelancong dari negara Republik Rakyat China (RRC) sempena Malaysia Year Of Festival (MyFEST) mulai 15 Februari hingga 31 Disember 2015

Antara faktor-faktor utama Kerajaan memberikan pengecualian bayaran visa bagi pelancong warganegara China ke Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Negara RRC merupakan pasaran ketiga terbesar Malaysia bagi sektor pelancongan. Krisis pesawat MH370 dan kes penculikan di Sabah telah memberi kesan negatif kepada sektor pelancongan, terutamanya pelancong RRC ke Malaysia. Bilangan pelancong RRC yang datang ke Malaysia menurun sebanyak 9.9% pada tahun 2014 iaitu 1.61 juta pelancong daripada 1.79 juta pelancong pada tahun 2013. Oleh itu, terdapat keperluan bagi Kementerian untuk mengambil langkah-langkah bagi memulihkan kembali pasaran pelancong daripada RRC.
- ii. Pendapatan asing per kapita bagi pelancong RRC pada tahun 2013 telah mencatat sebanyak RM3,092.10. Dengan itu, pengecualian visa kepada pelancong RRC bagi tahun 2015 dijangka akan menarik 2.7

juta pelancong RRC dan dianggarkan dapat menjana pendapatan asing sebanyak RM8.3 billion.

- iii. Malaysia sebagai negara ASEAN yang pertama menjalinkan hubungan diplomatik dengan RRC seharusnya mempertimbangkan pengecualian bayaran visa kepada pelancong RRC. Pengecualian bayaran visa kepada pelancong RRC bukan sahaja memberi manfaat kepada industri pelancongan tetapi juga akan secara tidak langsung memberi kesan positif kepada sektor ekonomi lain seperti sektor pendidikan, sektor hartanah, sektor pelaburan dan lain-lain.
- iv. Malaysia perlu mengambil peluang untuk menarik lebih ramai pelancong RRC sempena *Malaysia Year of Festivals* (MyFest 2015) pada tahun ini, terutamanya semasa musim-musim percutian RRC iaitu Tahun Baru Cina pada bulan Februari 2015, Hari Buruh pada bulan Mei 2015 dan Hari Penubuhan RRC pada bulan Oktober 2015. Ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian yang menyasarkan sebanyak 29.4 juta orang pelancong dan RM89 billion pendapatan sempena MyFest 2015.

Kementerian ini berharap, dengan usaha ini akan dapat menambah dan menarik lebih ramai pelancong dari negara RRC untuk melancong ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.